


SIRI MENJELAJAH ALKITAB



BERTUMBUH DALAM YESUS KRISTUS



**WAWASAN
PENABUR**

Siri Menjelajah Alkitab Bertumbuh Dalam Yesus Kristus

Penulis : John Balchin, John Benton, Richard Bewes, Rosalind Bradley,
Julian Charley, Peter Grainger, Erroll Hulse, Gilbert Kirby, Ada Lum,
Alec Motyer, Stuart Olyott, Roger Salisbury, Derek Tidball, Peter White

Penterjemah : Lilian Jose

Penyunting : Martin H. Maser, Randy Singkee

Reka Letak : Randy Singkee

Kulit buku : Chiang Juat Chin

Buku ini diterbitkan berdasarkan lesen dari Creative 4 International, eksklusif untuk Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Edisi Bahasa Inggeris, *Discovering God's Way*, © 2009 oleh Creative 4 International, Bath, England.

Terjemahan Bahasa Malaysia © 2021 oleh Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari: Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

Cetakan Pertama: Januari 2021

Diterbitkan oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

P.O.Box: 8327, Kelana Jaya

46787 Petaling Jaya, Selangor

wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!


Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Daftar Isi

1	Bab 1. Ajaran Yesus
2	1.1 Yesus sebagai guru
4	1.2 Yesus dan doa
6	1.3 Yesus dan pengampunan
8	1.4 Yesus dan kekayaan
10	1.5 Yesus dan kerajaan
13	Bab 2. Tindakan Yesus
14	2.1 Yesus, Anak Manusia
16	2.2 Yesus, pencerita
18	2.3 Yesus, pembuat murid
20	2.4 Yesus dan kaum wanita
22	2.5 Yesus melakukan mukjizat
25	Bab 3. Pengakuan Yesus
26	3.1 Yesus, Anak Allah
28	3.2 Tuntutan Yesus
30	3.3 Yesus, Raja yang dijanjikan
32	3.4 Komitmen kepada Yesus
34	3.5 Yesus memberi harapan untuk masa depan
37	Bab 4. Berita Baik Yesus
38	4.1 Percaya kepada Yesus
40	4.2 Yesus dan kelahiran baru
42	4.3 Berita baik untuk kehidupan
44	4.4 Diperbenar melalui iman dalam Yesus
47	Bab 5. Kematian dan Kebangkitan Yesus
48	5.1 Kematian penebusan Yesus
50	5.2 Kemenangan kebangkitan Yesus
52	5.3 Mesej kebangkitan
54	5.4 Kenaikan Yesus
56	5.5 Yesus datang kembali

59	Bab 6. Yesus dan Gereja
60	6.1 Yesus dan jemaah-Nya
62	6.2 Gereja – umat Allah
64	6.3 Bertumbuh bersama dalam Yesus
66	6.4 Persekutuan – satu dalam Yesus
68	6.5 Perpaduan gereja
71	Bab 7. Membuat Yesus dikenali
72	7.1 Berkongsi Berita Baik
74	7.2 Penginjilan – melakukan tugas itu
76	7.3 Bercakap tentang Yesus
78	7.4 Cahaya dunia
80	7.5 Kasih : gaya kehidupan baru
83	Bab 8. Yesus dalam Surat Ibrani
84	8.1 Yesus – kata Allah yang terakhir
86	8.2 Yesus – tidak berdosa dan berbelas kasihan
88	8.3 Terus bersama Yesus
90	8.4 Kematian Yesus : korban yang sempurna
92	8.5 Mendekati Allah melalui Yesus



1

AJARAN YESUS



1.1 Yesus Sebagai Guru

Pengajaran-Nya unik

“Kemudian para pengawal Bait Suci datang kepada para ketua imam dan orang Farisi. Lalu mereka bertanya kepada para pengawal itu, “Mengapakah kamu tidak membawa Dia ke sini?” Para pengawal itu menjawab, “Belum pernah seseorang bercakap seperti-Nya!”” (Yohanes 7:45-46)

Kesaksian ini sangat mengagumkan kerana cara Yesus yang biasa ketika Dia mengajar. Guru-guru kita biasanya berdiri; tetapi pada zaman itu para rabbi duduk untuk mengajar, dan itulah yang dilakukan oleh Yesus. Anda tidak akan dikenali sebagai rabbi kecuali sekumpulan orang ramai atau pengikut datang sebagai pendengar atau “murid-murid” duduk mendengarkan ajaran anda: itulah yang sebenarnya berlaku kepada Yesus. Yesus tidak berteriak atau memekik-mekik untuk menarik perhatian, gaya-Nya sangat sederhana dan dalam cara yang biasa dilakukan orang. Tetapi tidak seorang pun yang berkata-kata seperti-Nya!

Pengajaran-Nya mengagumkan

Seperti itulah kata-kata ajaran-Nya pergi. Orang ramai kagum dengan ajaran-Nya kerana Dia mengajar dengan penuh wibawa, tidak seperti ahli Taurat mereka (Markus 1:22). Ahli-ahli Taurat memang pakar dalam apa yang orang lain katakan tentang Kitab Suci selama berabad-abad. Bagi Yesus itu adalah “Aku berkata kepadamu” dan untuk penekanan, “Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu” (Matius 5:18).

Pengajaran-Nya Alkitabiah

Yesus tidak menentang Kitab Suci Perjanjian Lama; jauh sekali. Kata-kata dari Kitab Suci adalah firman Allah (Yohanes 10:35; 2 Timotius 3:16). Satu titik atau huruf yang terkecil pun, tidak sekali-kali Yesus hapuskan dari Perjanjian Lama (lihat Matius



5:17-19). Pengajaran Yesus tidak pernah bertentangan dengannya. Sebaliknya, cara Yesus adalah positif: Dia menunjukkan maksud yang sebenarnya, dan menyembapkan semua kelemahan dan salah faham selama berabad-abad untuk menghadapkan orang ramai dengan cabaran yang jelas dari kata asal Kitab Suci (lihat Matius 5:22,44; 15:1-8; 23:23).

Pengajaran-Nya mencabar


“Mencabar”: itulah ciri khas ajaran Yesus. Orang menguap ketika mendengarkan ahli Taurat menjelaskan kepada mereka pelbagai tafsiran tentang ayat yang sukar. Tetapi, mereka tergamam, terpegun dan terpukau ketika Tuhan kita Yesus menyatakan perintah Allah ke dalam hati nurani mereka. Bilakah kali terakhir anda mematuhi Matius 5:24, 40 atau 44-48?

Dan kisah-kisah-Nya sentiasa terngiang-ngiang di fikiran, lebih dahsyat lagi, sehingga membuatkan anda resah. Apabila Yesus berbicara, Allah menuntut seluruh diri anda dengan cara yang tidak memungkinkan adanya percanggahan atau penghindaran.

Pengajaran-Nya sangat penting

Tuhan kita tidak membiarkan kita tanpa gambaran kepada kemelut yang kita ada dalam ajaran-Nya. Mematuhi adalah membina hidup kita di atas asas yang tidak boleh digoncangkan. Sebaliknya, mengingkari akan menuntun kepada akibat yang buruk dalam kehidupan: “punah ranap!” (Matius 7:24-27).

Ini bukan bermaksud bahawa kita adalah benar di hadapan Allah, atau dijamin masuk ke syurga melalui apa yang kita lakukan. Itu adalah kesilapan terbesar orang Farisi (lihat Lukas 18:9-14). Yesus dengan jelas mengajar bahawa hanya Dia saja yang dapat menyelamatkan dengan menyerahkan nyawa-Nya sebagai tebusan bagi kita (Matius 20:18). Apa yang kita sumbangkan dalam penyelamatan kita hanyalah dosa-dosa kita! Untuk menerima penyelamatan dan berharap kepada Yesus yang dapat menyelamatkan kita – iman kepada Yesus sebagai Penyelamat – adalah “pekerjaan” yang diajarkan Yesus (Yohanes 6:29).



**Fikirkan dan
Lakukan**

Tahukah anda kebenaran-kebenaran utama ajaran Yesus? Baca keseluruhan Injil Matius untuk mengingatkan diri anda sendiri.

1.2 Yesus dan Doa

Persahabatan dengan Allah

Allah berkenan dalam persahabatan kita: itulah inti doa. Kita benar-benar mula berdoa apabila kita memahami doa sebagai satu keistimewaan, bukan satu kewajipan! Sebab itulah Doa Bapa Kami begitu luar biasa: ia bermula dengan berhubungan dengan Allah dan menyanjung-Nya (“Bapa kami yang di syurga”) sebelum melanjutkan kepada apa-apa permintaan. Mari kita rujuk Matius 6:5-18 sebagai panduan kita untuk berdoa dan berpuasa.

Adakah anda berdoa?

Perhatikan bahawa Tuhan kita menganggap kita akan berdoa: bukan “jika” tetapi “bila”! Adakah anda menjadikannya bahagian yang tetap dan berterusan dalam hidup anda? Lihat Lukas 18:1.

Kemudian Tuhan kita Yesus Kristus membezakan doa orang Kristian dengan dua bentuk doa yang salah. Doa orang Kristian tidak seperti doa orang munafik (Matius 6:5-6), kerana hanya Allah saja yang satu-satunya pendengar. Dan tidak juga seperti doa orang kafir (Matius 6:7-8), kerana doa Kristian adalah sederhana dan jelas, yang berharap kepada Allah yang mengabulkan permintaan mereka, bukannya doa yang meleret-leret dengan kata-kata yang tidak bermakna.

Berdoa dengan orang lain

Allah adalah satu-satunya penonton: yang sama sekali tidak menentang berdoa bersama. Yesus menggantikan kata jamak “kamu” dengan kata peribadi “kamu” dalam arahan berdoa ini. Kita harus berdoa sendirian, dan kita juga harus berdoa dengan satu sama lain. Sesungguhnya, Yesus hadir dengan cara yang lebih, dan memberikan kekuatan lebih, kepada orang Kristian yang bersatu dalam doa (lihat Matius 18:19-20). Tetapi apabila kita berdoa bersama-sama, kita harus berdoa kepada Allah! Perhatikan nilai *pengasingan*: “masuklah ke dalam bilikmu dan tutup pintu”. Hentikan segala yang lain untuk bersama Allah.



Kekayaan yang ditawarkan

Perkataan “bilik” yang dipakai dalam Matius 6:6 adakah kata yang penuh makna. Ia menggambarkan sebuah bilik stor, gudang senjata di mana peluru-peluru disimpan ... serta satu perbendaraan di mana kekayaan diberikan. Doa membawa perkara-perkara baik yang telah disimpan oleh Allah untuk kita, senjata rohani yang kita perlukan untuk menentang serangan-serangan Iblis, kekayaan yang Kristus tawarkan untuk keperluan-keperluan kita. Yesus juga memuji keyakinan seperti anak kecil: “Bapamu tahu apa yang kamu perlukan” (Lihat Matius 6:8; Ibrani 11:6).


Doa Bapa Kami

Doa itu sendiri bermula dengan penyembahan (Matius 6:9). Ini sangat penting. Ia mengalihkan tumpuan kita yang berpusat pada diri sendiri kembali kepada Allah. Langkah kedua adalah mengenali hati Allah: reputasi-Nya, pemerintahan-Nya dan kehendak-Nya (Rujuk ayat 9 dan 10). Langkah ketiga adalah menyerahkan semua keprihatinan kita kepada Allah, tidak kira besar atau kecil: penyediaan kita, pengampunan kita, dan perlindungan yang kita harapkan (ayat 11:13). Penutupan secara tradisional doa ini mungkin tidak diucapkan oleh Yesus ataupun ditulis oleh Matius, tetapi seluruhnya bersifat Kristian untuk memuji pemerintahan, kekuasaan dan kemuliaan Allah.

Puasa

Sepertimana doa, Tuhan kita menganggap kita akan berpuasa (Matius 6:16). Puasa adalah menahan diri dari makanan sebagai cara untuk mengabdikan diri kepada Allah. Sekali lagi, puasa dilihat sebagai satu peluang dan bukannya satu tugas. Kita boleh memohon kepada Allah untuk membebani kita dengan kehendak-Nya, di mana kita lebih *sanggup* menyempurnakan apa yang dikehendaki-Nya daripada makan. Jangan lakukannya “kerana orang Kristian harus buat”! Tetapi cubalah bila ada keputusan penting yang harus dibuat (Lukas 6:12-13) ataupun bila ada hal-hal tertentu untuk dimenangkan bagi Allah (Ezra 8:21-23).

Masalah-masalah dimenangkan untuk Allah: itulah tujuan puasa dan doa. Jenis persahabatan dengan Allah yang berkesan untuk pemerintahan dan kehormatan-Nya.



Sudahkah anda memilih untuk bersahabat dengan Tuhan sebagai tujuan utama dalam hidup anda? Mengutamakan doa adalah satu permulaan yang bagus.

1.3 Yesus dan Pengampunan

Keperluan terdalam kita

Semasa Yesus bertemu dengan seorang lelaki lumpuh, Dia melakukan sesuatu yang sangat signifikan. Dia mengampuni dosa-dosanya – sesuatu yang dengan cepat ditunjukkan oleh orang Farisi, hanya Allah saja yang dapat melakukan (Matius 9:2-6). Itu sangat membuka mata. Yesus memberitahu kita dengan jelas apa yang diketahui bahkan oleh mereka yang hanya memiliki setengah hati nurani: pengampunan yang hidup dan sejati adalah keperluan kita yang paling dalam. Itu adalah pendapat yang dipegang dan dihayati oleh Yesus walaupun pada waktu-Nya yang paling gelap (Lukas 23:34).

Apa itu pengampunan?

Ada tiga perkataan dalam Perjanjian Baru bagi pengampunan dan masing-masing memberikan sumbangan mereka sendiri.

- Perkataan pertama dan paling lazim (*aphesis*: kata kerja *aphēmi*) mengatakan bahawa ketika Dia mengampuni kita, Allah menghapuskan rasa bersalah dan dosa kita. Dia dan kita melepaskan dan meninggalkan semua itu di belakang kita. Inilah perkataan yang selalunya kita baca “mengampuni” dalam Perjanjian Baru.
- Perkataan kedua untuk pengampunan (*charizomai*) bermaksud bersikap baik secara bebas. Allah dengan bebas mengampuni kita, jadi kita harus melakukan hal yang sama kepada satu sama lain (Efesus 4:32).
- Perkataan ketiga (*apoluō*) mengatakan bahawa dalam mengampuni kita, Allah membebaskan kita dari belenggu atau hutang; Allah boleh menyalahkan kita kerana dosa kita, tetapi memilih untuk tidak melakukannya. Sebagaimana Allah melepaskan, kita juga harus melepaskannya dan tidak menyalahkan satu sama lain (Lukas 6:37).



Pengampunan dan darah Yesus

Matius 26:28 mengatakan, “Inilah darah perjanjian yang ditumpahkan bagi ramai orang untuk pengampunan dosa.” Keseluruhan berita baik tentang iman Kristian dirumuskan dalam kata-kata yang cemerlang ini.


Adakah “darah” seolah-olah kata kasar untuk digunakan oleh Tuhan kita Yesus? Ingat, Paskah adalah perayaan orang Yahudi. Semua kata-kata dalam Perjanjian Lama untuk pengampunan berkaitan dengan sistem korban mereka. “Darah” berbicara tentang kehidupan yang diserahkan dalam menebus kematian dengan tujuan pengampunan dan pendamaian antara Allah dan umat manusia.

Mengapakah itu perlu? Itulah ketetapan antara Allah dan manusia: hukuman untuk dosa ialah kematian (Kejadian 2:17; Roma 6:23). Menurut hukum Taurat hampir segala-galanya disucikan dengan darah, dan tanpa tumpahan darah tidak ada pengampunan (Ibrani 9:22), atau Allah akan meninggalkan sifat-Nya sendiri. Keajaiban Injil adalah bahawa kasih Allah memberikan apa yang dituntut oleh keadilan-Nya dalam kematian Yesus.

Bagaimana saya mendapatkan pengampunan?

Bagaimana kita boleh mendapatkan pengampunan? Perumpamaan orang Farisi dan pemungut cukai memberikan kita pencerahan (Lukas 8:9-14). Kita datang, sebagai orang berdosa, kepada belas kasihan yang Allah berikan kepada kita dalam peribadi Yesus Kristus. Bandingkan kedua-dua lelaki dalam cerita itu. Pengampunan bukan sesuatu yang dijual oleh Allah. Ia merupakan suatu pemberian dari Allah kepada orang berdosa; Allah tidak pernah memberikannya kepada orang Farisi yang ingin membelinya dengan amalan-amalan baik mereka.

Oleh kerana Allah hanya memberikannya kepada orang berdosa, kita perlu meraihnya: kita meraih pengampunan yang diberikan kepada kita, dengan bersandar (melalui iman) kepada Penyelamat yang telah membelinya. Oleh demikian, “jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampuni dosa-dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.” (1 Yohanes 1:9). Allah yang adil dan seorang Penyelamat! Perlukah kita meminta lebih banyak lagi?



Fikirkan dan
Lakukan

Adakah anda mempraktikkan pengampunan sebagaimana Injil memanggil pengikut Yesus untuk melakukan? Adakah sesiapa yang anda perlu ampuni hari ini?

1.4 Yesus dan Kekayaan

Yesus bekerja di kalangan orang miskin

Bekerja dengan orang miskin adalah sebahagian daripada rancangan Yesus sejak Dia memulakan pelayanan-Nya (Lukas 4:18; lihat juga Lukas 1:52-53; 2:7). Yesus mengatakan bahawa orang miskin adalah yang berbahagia dan diberkati (Lukas 6:20). Ada yang membataskan maksud ini kepada mereka yang miskin secara rohani (Matius 5:3), tetapi mungkin maknanya lebih daripada itu.

Bahaya kekayaan

“Kamu tidak dapat menjadi hamba Allah dan juga hamba kekayaan,” kata Yesus (Lukas 16:13). Kita akan komited sepenuhnya kepada Allah atau kekayaan, tetapi bukan kedua-duanya. Apakah kesan-kesan kekayaan kepada kita?

- **Kekayaan boleh membuat kita tamak.** Seorang lelaki kaya pernah ditanya, berapa banyak wang yang dia perlukan untuk betul-betul bahagia. Orang ramai menunggu untuk mendengar jumlah yang luar biasa. Tetapi lelaki itu hanya berkata, “Lebih banyak lagi.” Hakikatnya, walau banyak mana pun kita miliki, kita sentiasa tidak puas. Keinginan ini boleh membawa kepada kehidupan yang mementingkan diri sendiri, angkuh serta mengabaikan Allah (lihat Lukas 12:16-21).
- **Kekayaan boleh membutakan kita terhadap keperluan-keperluan di sekeliling kita.** Perhatikan kisah orang kaya dan Lazarus (Lukas 16:19-31). Kita boleh menjadi terlalu sibuk menunjuk-nunjuk kemewahan terbaru yang kita miliki sehingga tidak menyedari keperluan orang di sekeliling kita!
- **Kekayaan boleh membutakan kita terhadap keperluan-keperluan rohani kita.** Mendapat lebih banyak perkara boleh mendorong kita untuk berfikir bahawa dunia fizikal yang dapat dilihat ini adalah segala-galanya. Akibatnya hati kita akan menjadi keras terhadap apa-apa yang rohani (Lukas 18:24).



Bagaimana kita harus hidup?

- **Kita harus jujur.** Wang harus diperoleh secara jujur (Lukas 19:2,8), dan digunakan untuk tujuan yang betul.
- **Kita tidak boleh bersandar kepada kekayaan.** Jika kita berbuat begitu, kita lebih mencintai wang daripada Allah (Lukas 6:24). Sebaliknya, kita harus bersandar kepada Allah (Lukas 12:27-34). Adakah anda banyak berfikir tentang wang? Apakah anda selalu bercakap mengenainya? Jika ya, anda mungkin jatuh cinta dengannya!
- **Kita harus memiliki mengikut keperluan kita.** Dalam satu perjalanan misi, murid-murid Yesus tidak membawa wang (Lukas 9:3). Dalam perjalanan yang lain pula, mereka membawa wang (Lukas 22:36). Kita perlu mencari tahu apa yang cukup bagi diri kita secara individu. Contohnya, membeli barangan terpakai – bukan yang baru, beli barang makanan, atau tidak bercuti ke luar negeri yang mahal.
- **Kita harus menggunakan wang kita dengan bijak.** Kita perlu menjaga keluarga kita. Tetapi kita juga perlu ingat bahawa kita hidup di dunia di mana ada berjuta-juta orang hidup dalam serba kekurangan. Sebab itulah kita tidak seharusnya membelanjakan banyak wang untuk kegunaan diri sendiri. Gereja dan pelayanan misi kita memerlukan sokongan (Lukas 8:3; 21:1-4).

Kita boleh menggunakan masa dan rumah kita untuk bermurah hati kepada orang lain, bahkan kepada mereka yang tidak dapat membalas kebaikan kita (Lukas 14:12-14,21). Seseorang orang Kristian mungkin boleh melakukan ini lebih daripada orang lain, tetapi semua mempunyai tanggungjawab. Pepatah John Wesley mungkin bermanfaat: “Dapatkan semua yang anda boleh (secara jujur!), berikan semua yang anda boleh; simpan semua yang anda boleh.”



Fikirkan dan
Lakukan

Bilakah kali terakhir anda menyemak perbelanjaan dan pemberian anda? Adakah ini masanya untuk anda menilai semula keutamaan-keutamaan anda.

1.5 Yesus dan Kerajaan

Ketika Yesus berbicara tentang Kerajaan Allah, yang Dia maksudkan bukanlah sebuah tempat. Dia bermaksud pemerintahan Allah – kerajaan dan kedaulatan-Nya. Kita dapat melihat ini dari dua sudut pandangan yang berbeza – sesuatu yang ada di sini sekarang dan sesuatu yang akan datang.

Pemerintahan Allah: di sini dan sekarang

“Kerajaan Allah sebenarnya ada di dalam kamu,” kata Yesus (Lukas 17:20-21). Ia sudah datang. Ayat-ayat ini juga memberitahu kita bahawa kerajaan ini adalah sesuatu yang rohani. Dan Yesus mengakui realiti pertempuran antara kerajaan-Nya dan kuasa Iblis (Lukas 11:20).

Bertindaklah untuknya!

Mesej bahawa Kerajaan Allah sudah ada di sini dimaksudkan untuk menggerakkan gereja untuk bertindak! Gereja harus menjadi:

- **Umat yang bersaksi.** Sama seperti Yesus memberitakan kerajaan (Lukas 4:43; 8:1), dengan mukjizat-mukjizat yang mendukung hal ini (Lukas 9:11), demikian juga Dia menyuruh para pengikut-Nya untuk melakukan hal yang sama (Lukas 9:2, 60).
- **Umat yang berdoa.** Ketika kita berdoa “Datanglah Kerajaan-Mu” (Lukas 11:2), kita memohon agar kerajaan Allah diperluas ke lebih banyak wilayah kehidupan dan masyarakat. Dengan cara ini, secara perlahan tetapi pasti, Kerajaan Allah akan berkembang (Lukas 13:18-21). Kita juga meminta agar penguasaan Allah terhadap kehidupan kita sendiri akan meningkat.



- **Umat yang setia.** Ketika orang ramai menyangka Kerajaan Allah akan segera datang, Yesus menceritakan satu perumpamaan kepada mereka (Lukas 19:11-27). Perumpamaan ini boleh disimpulkan sebagai “Jadilah setia dengan apa yang Allah telah berikan kepadamu.”

Pemerintahan Allah: masih akan datang

Kerajaan yang sekarang ini tidak akan berubah menjadi kerajaan masa depan dengan sendirinya. Peristiwa yang dramatik harus berlaku sebelum ini terjadi (Lukas 17:22-37; 21:5-33). Tetapi Kerajaan Allah pasti akan datang. Suatu hari nanti akan ada langit dan bumi yang baru. Pada waktu itulah kekuasaan Allah yang lengkap dan sempurna terlihat apabila Yesus Kristus datang kembali. Yesus berbicara tentang kerajaan ini lebih dari sekadar rohani (Lukas 13:28-29; 22:16,29,30).

Bersedialah untuknya!

Mesej bahawa Kerajaan Allah masih akan datang dimaksudkan untuk membuat dunia siap sedia dan menunggu Kerajaan Allah dengan penuh harapan (Lukas 23:51). Oleh itu, kita harus menjadi:

- **Umat yang rendah hati.** Kita harus memastikan bahawa kita berada di dalam kerajaan. Alasan-alasan tidak akan diterima; akan ada penghakiman bagi mereka yang tidak berada dalam kerajaan (Lukas 13:28-29, 14:15-24). Kerajaan ini harus diterima dengan kerendahan hati (Lukas 18:16-17).
- **Umat yang berkorban.** Kekayaan seorang penguasa muda yang kaya menghalang dia untuk mengikuti Yesus (Lukas 18:18-25). Menyerahkan sesuatu untuk kepentingan kerajaan mencirikan kehidupan orang percaya (Lukas 18:29-10). Ganjarannya akan berlipat ganda!
- **Umat yang menghormati.** Orang percaya perlu mempercayai Allah untuk menjaga semua keperluan mereka dengan mengutamakan Kerajaan-Nya. Jika kita melakukan ini, kita akan merasakan nikmat Kerajaan Allah yang diberikan Allah kepada kita (Lukas 12:31-32).



Kerajaan Allah adalah “sekarang ini dan belum lagi datang”. Bagaimana ini bekerja dalam kehidupan seharian anda?



3

PENGAKUAN YESUS



3.1 Yesus, Anak Allah

Mengapa Yohanes menulis tentang Yesus? Dia memberitahu kita dalam Yohanes 20:31 – supaya kita percaya bahwa Yesus adalah Kristus (Mesias), Anak Allah, dan dengan mempercayai, kita dapat memiliki hidup dalam nama-Nya.

Yesus Kristus – Anak Allah

Yohanes menggambarkan Yesus dengan menggunakan kata “Anak-Nya yang tunggal” (3:16), “yang satu-satunya” (1:14,18). Perkataan asal dalam bahasa Yunani adalah *monogenes*. Ia menyiratkan beberapa maksud:

- **Yesus setaraf dengan Allah.** Dia berkongsi sifat Allah dan mengungkapkan sepenuhnya karakter Allah. Orang Yahudi menganggap ini sebagai penghujatan (Yohanes 5:18; 10:29-39; 19:7).
- **Yesus menikmati kesatuan alam yang unik dengan Allah Bapa.** Dia adalah satu dengan Bapa dengan cara yang paling dalam (Yohanes 10:30). Dia dan Bapa tidak dapat dipisahkan dalam kudrat, kata-kata dan tindakan mereka (Yohanes 5:19-23).
- **Yesus adalah satu-satunya yang sepenuhnya mengungkapkan dan sepenuhnya mewakili Allah.** Inilah yang dimaksudkan oleh Yohanes dengan menggambarkan Yesus sebagai “Firman” (Yohanes 1:1,18): Dia adalah ekspresi fikiran Allah.
- **Yesus adalah Anak Allah selama-lamanya.** Itu selalu menjadi kudrat Yesus bahwa Dia adalah Anak Allah sampai selama-lamanya. Dia tidak menjadi Anak Allah ketika Dia dilahirkan di bumi (Yohanes 8:58).
- **Yesus adalah Anak Allah yang unik.** Dia adalah Anak Allah dengan cara yang sama sekali berbeza dari para pengikut-Nya yang dipanggil anak-anak Allah. Yesus berbicara tentang Allah kepada para pengikut-Nya sebagai “Bapa-Ku” dan “Bapamu” (Yohanes 20:17).

Kasih Allah Bapa

Allah menunjukkan bahawa Dia begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal (Yohanes 3:16). Mengapa Allah melakukannya? Supaya setiap orang yang percaya tidak akan binasa melainkan mendapat hidup yang kekal (Yohanes 3:16-18,36).



Satu keputusan harus diambil

Kita semua harus membuat keputusan tentang siapakah Yesus sebenarnya. Adakah Dia hanya seorang guru yang hebat? Adakah Dia betul-betul keliru? Adakah Dia sengaja menipu? Tiga kali dalam Injil Yohanes di mana beberapa orang menyimpulkan bahawa Dia benar-benar adalah Anak Allah: Yohanes Pembaptis (Yohanes 1:34), Natanael (Yohanes 1:49), dan Marta (Yohanes 11:27).

**Fikirkan dan
Lakukan**

Menurut anda, siapakah Yesus? Dia telah memanggil kita untuk mengikutinya, dan lebih banyak kita mengenali Yesus, lebih banyak kita belajar tentang Allah.

3.2 Tuntutan Yesus

Yesus memberitahu para pemimpin agama pada zaman-Nya bahawa bahkan Abraham sendiri menantikan hari itu, apabila Dia, Yesus, akan datang. Dan Dia menambahkan, “Sebelum Abraham dilahirkan Aku sudah ada.” Di telinga orang Yahudi, Yesus mengaku diri-Nya sebagai Allah, kerana itu mereka mengambil batu untuk merejam-Nya (Yohanes 8:56-59).

Tuhan Yesus Kristus bukan saja membuktikan kewujudan-Nya sebelum kelahiran-Nya, bahkan Dia menyebut gelaran yang ilahi “Akulah” (Keluaran 3:14). Bagi orang Yahudi, “Akulah” merujuk kepada Allah yang agung, yang Maha Hadir. Sebanyak tujuh kali Yesus menuntut diri-Nya unik, dan memperkenalkan tuntutan-Nya dengan kata-kata “Akulah”.

“Akulah roti hidup” (Yohanes 6:35)

Pada Hari Paskah, sejeurus selepas memberi makan kepada 5,000 orang secara ajaib, Yesus menyatakan diri-Nya sebagai roti kehidupan, roti hidup yang turun dari syurga (Yohanes 6:25-59). Yesus menyiratkan bahawa mereka memerlukan lebih dari sekadar roti fizikal: yang mereka perlukan adalah makanan rohani, di mana hanya Yesus saja boleh berikan kepada mereka.

“Akulah cahaya dunia” (Yohanes 8:12)

Pada perayaan lain, Perayaan Pondok Daun, Yesus mengaku sebagai cahaya dunia (Yohanes 8:12). Pada waktu itu, orang ramai sedang merayakan pengalaman nenek moyang mereka yang dipimpin melalui padang pasir dalam lindungan tiang awan pada siang hari dan tiang api pada malam hari. Yesus menyiratkan seluruh dunia berada dalam kegelapan rohani tetapi Dia datang untuk memberikan cahaya. Yesus juga memberitahu para murid-Nya bahawa mereka adalah “cahaya dunia ini” (Matius 5:14).

“Akulah gembala yang baik” (Yohanes 10:11)

Dalam Injil Yohanes bab 10, ada dua ucapan “Akulah” – “Akulah pintu bagi kawan domba” (ayat 7) dan “Akulah gembala yang baik” (ayat 11). Tetapi sebenarnya hanya ada satu gambar. Seorang gembala Timur biasanya berdiri di kandang pintu untuk mengawasi domba-domba keluar masuk. Dialah yang menjaga keselamatan mereka dan bertanggungjawab untuk memenuhi keperluan mereka. Domba-domba itu bergantung sepenuhnya kepada gembala. Yesus menekankan bahawa Dialah gembala yang baik dan menyiratkan bahawa tidak semua gembala dapat digambarkan sedemikian.



“Akulah kebangkitan dan hidup” (Yohanes 11:25)

Lazarus, saudara Maria dan Marta baru saja meninggal dunia dan Yesus mengatakan, “Akulah kebangkitan dan hidup” (Yohanes 11:25). Yesus berkuasa membangkitkan orang mati! Dan Dia juga datang untuk menunjukkan realiti kehidupan selepas kematian.

“Akulah jalan, kebenaran dan hidup” (Yohanes 14:6)

Dalam menjawab pertanyaan dari Tomas, Yesus mengisytiharkan diri-Nya sebagai satu-satunya jalan kepada Allah, menjadi kebenaran tentang Allah dan satu-satunya yang dapat memberi kepada manusia kehidupan yang datang dari Allah.

“Akulah pokok anggur yang benar” (Yohanes 15:1)

“Akulah” yang digunakan seterusnya sangat relevan dengan orang Yahudi. Dalam Perjanjian Lama, pokok anggur digunakan sebagai simbol bangsa Yahudi (Mazmur 80:8-19; Yesaya 5:1-7). Yesus datang kepada mereka sebagai pokok anggur yang benar dan Dia menunjukkan kesia-siaan berusaha untuk hidup terpisah daripada-Nya (Yohanes 15:1-11).

**Fikirkan dan
Lakukan**

Tuntutan Yesus tentang siapakah diri-Nya mengejutkan para pendengar-Nya. Apabila kita memberitahu orang bahawa kita adalah pengikut Yesus, mengapa sesetengah orang hari ini memberi reaksi yang negatif?



3.3 Yesus, Raja yang Dijanjikan

Mesias rahsia

Yesus datang ke dunia pada waktu yang sangat menarik. Pemikiran orang Yahudi sedang bergejolak; mereka sedang menunggu “Mesias” mereka: kata Ibrani yang bermaksud Yang Diurapi (dalam bahasa Yunani “Kristus”). Dalam petikan 2 Samuel 7:13; Daniel 2:34-45; 7:13-14, mereka sedang menunggu raja penakluk dari garis keturunan Raja Daud untuk menghancurkan semua empayar lain dan mendirikan kerajaan terkemuka di dunia yang akan bertahan selama-lamanya. Apa yang diperlukan hanyalah pemimpin yang mereka percayai, dan revolusi menentang pemerintahan Romawi di Israel seperti api di rumput kering.

Akibatnya, Yesus harus menyembunyikan Kemesiasan-Nya (Markus 1:24-25,34,44; 3:11-12).

Mesias yang sejati

Yesus bukanlah jenis Mesias yang mereka harapkan, tetapi Dia adalah Mesias! Jadi, sejak awal pelayanan-Nya, Yesus memberitahu para murid-Nya bahawa Dia adalah Mesias – tetapi segera bekerja untuk menyalurkan kembali pemikiran mereka (Matius 16:13-27). Sejak itu, berulang kali Dia menunjukkan sifat pemerintahan-Nya.

Tiga elemen

Kita mendapati tiga elemen utama dalam Yesus sebagai Mesias: Dia adalah seorang nabi, seorang imam dan seorang raja.

- **Nabi:** Yesus berbicara kepada kita dengan suara Allah. Peranan nabi adalah untuk menyampaikan mesej Allah kepada manusia. Kisah hidup dan pengajaran Yesus melengkapi apa yang Allah katakan kepada umat manusia (Ibrani 1:1-2). Ketika di zaman kita sekarang Yesus membuat ini menjadi hidup bagi kita oleh Roh-Nya.
- **Imam:** Yesus membawa kita ke dalam hadirat Allah. Tugas seorang imam adalah mengadakan pendamaian antara Allah dan manusia. Sebelum Yesus datang, para imam melakukan ini dengan memohon doa bagi umat dan mempersembahkan korban binatang untuk menghapus kesalahan dosa manusia dan kemurkaan Allah (berdosa bererti melanggar hukum Allah). Tetapi Tuhan kita Yesus mempersembahkan diri-Nya sendiri! (lihat Ibrani 9:14; 1 Petrus 2:24; 3:18). Dan Dia sentiasa berdoa untuk kita (Ibrani 7:25). Tidak seorang pun dari kita yang dapat mengerti sepenuhnya betapa kita telah diselamatkan dan diampuni berkat Yesus yang bertindak sebagai imam kita.



- **Raja:** Dia memerintah kita dengan kuasa Allah. Raja dalam Perjanjian Lama menetapkan pemerintahan Allah atas umat-Nya. Yesus melakukan ini dalam kehidupan orang Kristian. Dia memenangkan kita untuk diri-Nya sendiri, memerintah dan mempertahankan kita. Dia akan terus melanjutkan pemerintahan-Nya sehingga setiap atom di alam semesta berhubungan dengan-Nya sebagaimana semestinya (Filipi 2:9-11; Kolose 1:17-20).

Itulah yang kita perlukan

Perkara yang menakjubkan adalah bagaimana Mesias Yesus memenuhi keperluan kita yang paling dalam dan menyembuhkan musibah yang disebabkan oleh dosa dalam diri kita. Kita jahil; Yesus nabi kita mengajar kita cara Allah menyelamatkan kita. Kita bersalah; Yesus menanggung rasa bersalah itu bila Dia disalibkan kerana dosa-dosa kita. Kita tersesat di dunia ini; Yesus datang sebagai Raja dan mengembalikan ketertiban, identiti dan takdir dalam kehidupan kita.

**Fikirkan dan
Lakukan**

Yesus sebagai nabi, imam dan raja; fikirkan peranan-peranan Mesias yang berbeza ini. Mana satu yang paling anda kaitkan dengan Yesus? Mengapa?

3.4 Komitmen Kepada Yesus

Teladan Paulus

Apa kesan tuntutan Kristus terhadap kita? Kita dapat menyimpulkan jawapan bagi pertanyaan tersebut dalam satu perkataan: komitmen. Apakah maksudnya? Seperti apakah kehidupan seorang Kristian yang komited? Kalau ada orang Kristian yang komited, sudah tentu Paulus adalah orangnya! Perhatikan bagaimana dia menggambarkan kehidupannya dalam surat kepada jemaah di Filipi.

Bagi Paulus, hidup adalah Kristus semata-mata (Filipi 1:21) Bahkan latar belakang pentingnya juga tidak berharga dibandingkan dengan mengenal Kristus (Filipi 3:4-8). Matlamat Paulus adalah mengenal Tuhannya Yesus Kristus (Filipi 3:10), dan dia terus berusaha dengan penuh dedikasi seperti seorang atlet (Filipi 3:13-14)!

Harga sebuah komitmen

Paulus komited untuk memberitakan Injil (Filipi 1:7). Kerana itu, dia menulis kepada seorang askar di Roma. Dia telah menanggung semua jenis penderitaan: dipenjarakan berkali-kali, dicambuk parah, diancam maut, disebat (sebatan 39 kali, sebanyak 5 kali!), dipukul dengan tongkat, direjam, menghadapi bahaya dalam perjalanan termasuk ditimpa kapal karam, kesejukan, kelaparan dan kehausan (2 Korintus 11:23-28). Paulus benar-benar tahu bahawa penderitaan, dalam pelbagai bentuk, adalah harga untuk sebuah komitmen.



Ganjaran komitmen

Alkitab mengatakan bahawa kita akan menerima ganjaran untuk kebaikan yang kita lakukan sebagai orang Kristian (lihat Matius 25:34-36 dan 2 Korintus 5:10). Tetapi ganjaran yang kita terima dikaitkan dengan kemuliaan Allah sedemikian rupa sehingga kita tidak pernah dapat bermegah. Setiap perkara baik yang kita lakukan dalam nama Kristus telah diberikan kepada kita. Apa pun kebaikan yang kita lakukan, kita melakukannya dengan kasih kurnia dan pertolongan Allah (1 Korintus 3:10-15; 4:7).

Lakukannya

Percaya kepada Kristus melibatkan komitmen sepenuh hati kepada-Nya. Apakah maksudnya ini dalam praktik?

- Menjadi bahagian dan memainkan peranan yang bertanggungjawab dalam persekutuan lokal umat Tuhan (Filipi 1:1,27, 2:4-5).
- Membaca Firman Tuhan dan berdoa secara teratur (Kolose 3:16; 4:2).
- Mematikan sikap-sikap dan perbuatan-perbuatan yang berdosa; menjadi lebih seperti Yesus (Filipi 1:9-11; Kolose 3:5).
- Berkongsi tentang Yesus kepada orang lain (Filipi 1:5).

Tuhan sedang bekerja dalam diri kita

Bagaimana kita boleh komited sepenuhnya? Mustahil oleh kita sendiri. Tetapi Tuhan sudah bekerja dalam diri kita sebagai orang Kristian. Kita dapat yakin bahawa, ketika kita mengerjakan penyelamatan yang Allah telah berikan kepada kita, Yesus sendiri akan bekerja di dalam kita, memberikan kita kekuatan untuk melakukan apa yang dikehendaki-Nya (Filipi 2:12-13).



Komitmen kita kepada Yesus tidak hanya diukur dengan apa yang kita lakukan pada hari Ahad. Berdoalah agar Tuhan memperdalamkan komitmen anda dari hari ke hari dan menunjukkan kepada anda bagaimana anda dapat melayani Dia dengan cara yang baru.

3.5 Yesus Memberi Harapan untuk Masa Depan

Kata ‘harapan’ mungkin menyiratkan kepada kita fantasi yang sia-sia, satu “wajah berani” atau optimistik yang ceria tetapi tidak realistik. Akan tetapi, para penulis Perjanjian Baru seperti Petrus mengambil kata yang kedengaran agak lemah ini dan memberikan keyakinan dan kepastian yang mengubahnya hampir tidak dapat dikenali. Jadi mari kita meninjau apa yang dikatakan dalam 1 Petrus tentang harapan.

Masa depan yang pasti

Bagi pengikut Kristus, masa depan bukanlah satu kabus, misteri, atau menimbulkan rasa takut dan kebimbangan. Kerana bukan umat manusia yang menentukan masa depan.

Apa yang ada di hadapan mungkin satu kejutan bagi dunia, tetapi tidak diragukan lagi ini adalah harapan masa depan bagi orang Kristian. Kita berani memandang ke hadapan dan mendapati bahawa di luar kematian, hidup digambarkan sebagai warisan yang berlimpah (1 Petrus 1:4) dan satu mahkota kemuliaan (1 Petrus 5:4). Perkara-perkara ini pasti kerana kita telah dilahirkan semula secara rohani: kita mempunyai “harapan yang hidup” (1 Petrus 1:3).

Alasan yang baik

Harapan ini berasaskan kepada peristiwa sejarah yang benar-benar berlaku – kebangkitan Yesus Kristus (1 Petrus 1:3). Kematian tidak lagi memiliki kata terakhir. Kita percaya kepada Allah tanpa melihat-Nya (1 Petrus 1:8), tetapi kita berbuat demikian dengan alasan yang baik. Catatan kebangkitan menawarkan bukti yang kita boleh telusuri sendiri.

Asas yang kukuh

Manusia terbiasa dengan kekecewaan – janji yang dibuat dengan baik dan tidak ditepati. Tetapi berbeza apabila harapan kita tertuju kepada Allah (1 Petrus 1:21). Dia sentiasa:

- Memelihara umat-Nya, hingga akhir zaman (1 Petrus 1:5)
- Menepati janji-Nya dengan setia (1 Petrus 4:19)
- Menepati tujuan asal-Nya – memanggil kita bukan sekadar mengikuti-Nya di bumi ini, tetapi juga untuk menikmati kemuliaan-Nya yang kekal (1 Petrus 5:10).

Insentif yang jelas

Harapan yang pasti untuk masa depan membuat kita lebih serius terhadap masa sekarang. Hidup tidak lagi menjadi tugas tanpa arah tujuan, seperti tidak kisah dengan apa yang kita lakukan.

Harapan Kristian adalah tunjang dan insentif terbesar untuk mencapai standard peribadi yang tinggi dalam cara kita menjalani kehidupan. Bagi Petrus, harapan ini secara automatik dihubungkan dengan sikap berjaga-jaga dan sentiasa mentaati Allah (1 Petrus 1:13-14). Anda boleh mengenali orang Kristian yang tahu ke mana mereka tuju – melalui kehidupan mereka!

Penilaian yang tenang

Apabila kita tahu bahawa hidup lebih daripada apa yang kita alami di dunia ini, maka:

- Kita mempunyai perspektif yang betul mengenai kehidupan; kita tidak memandang keseronokan yang sementara, jaminan duniawi atau kemewahan harta-benda sebagai perkara yang utama dalam hidup kita (1 Petrus 2:11).
- Kita mampu memberi jalan keluar dalam hubungan kita dengan orang lain (1 Petrus 2:13,18).
- Kita dapat berdiri teguh ketika menghadapi pelbagai cubaan (1 Petrus 1:6).

Apabila kita mempraktikkan perkara-perkara ini, kita dapat melihat ke hadapan dengan penuh semangat dan kesabaran untuk menantikan kedatangan Tuhan Yesus Kristus yang kedua kali (1 Petrus 1:13). Kita tidak akan kecewa!



**Fikirkan dan
Lakukan**

Apakah maksud perkataan “harapan” bagi anda? Harapan masa depan kita tidak bergantung kepada jaminan harta-benda tetapi dalam peribadi Yesus Kristus dan apa yang telah Dia lakukan untuk kita.